

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, May 5, 2019 3:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mesyuarat Kukuh Hubungan Antara Pendaftar UA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

05 MEI 2019 / 29 SYAABAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MESYUARAT KUKUH HUBUNGAN ANTARA PENDAFTAR UA



UUM ONLINE: Pendaftar Universiti Awam (UA) dari seluruh Malaysia berada di UUM selama dua hari sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar-Pendaftar Universiti Awam yang berlangsung di Bilik Mesyuarat LPU, Bangunan Canselor, UUM.

Menurut Pendaftar, Baharudin Yaacob, majlis mesyuarat di peringkat UA ini melibatkan semua Pendaftar UA antaranya Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jelasnya, mesyuarat ini sebagai saluran komunikasi dalam kalangan Pendaftar IPTA untuk berkongsi pandangan, cadangan, syor, saranan demi kebaikan bersama dalam memacu kecemerlangan IPTA.

“Majlis ini menjadi platform untuk berbincang dan mencari jalan penyelesaian secara kolektif terhadap suatu isu atau perkara yang dihadapi bersama demi pembangunan dan kemajuan IPTA di samping mengukuhkan hubungan antara pendaftar universiti awam,” katanya.

Ujarnya, Sekretariat Mesyuarat Pendaftar-Pendaftar Universiti Awam ini di bawah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan UUM selaku tuan rumah.

Terdahulu, Majlis Makan Malam Pendaftar turut berlangsung di EDC Hotel & Resort, Sintok sekali gus mengukuhkan hubungan antara pendaftar universiti awam

Hadir sama, Pendaftar dari USIM, Dato' Muhammad Haizuan Rozali, Dato' Wan Azman Wan Omar (UPM), Dr. Musa Ali (USM) dan Pn. Nurnaimah Mohd Zain daripada AKEPT.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.